

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 17 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 19



Mazni (kanan) dibawa keluar dari kamar Mahkamah Majistret Kuala Lumpur selepas mendengar pertuduhan atas dakwaan menipu sewa beli rumah PR1MA semalam.

## Suri rumah didakwa tipu sewa beli rumah PR1MA

KUALA LUMPUR - Seorang suri rumah dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini semalam atas dua pertuduhan menipu urusan sewa beli rumah Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) membabitkan kerugian sebanyak RM6,308.

Mazni Mahmud, 27, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Majistret, Wong Chai Sia.

Mazni didakwa menipu seorang pemuda bagi projek rumah PR1MA iaitu bagi mendorong mangsa memindahkan wang sebanyak RM6,308 ke akaun Maybank miliknya.

Percaya dengan dakwaan tertuduh, mangsa berusia 24 tahun itu membuat transaksi RM6,308 sebagai deposit rumah berkenaan di Setapak Jaya pada 16 Ogos 2017.

Pendakwaan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan dengan sebat dan boleh juga dikenakan denda.

Bagi pertuduhan kedua, Mazni menggunakan dokumen tawaran unit rumah PR1MA daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang dipercayai dokumen palsu.

Kesalahan dilakukan di sebuah rumah di Setapak Jaya pada 30 Oktober 2018 lalu.

Ibu dua anak itu didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 468 kanun sama yang memperuntukkan penjara sehingga tujuh tahun dan denda jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Wan Ahmad Hakimi Wan Ahmad Jaafar menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah menetapkan 16 Januari 2020 untuk sebutan semula kes dan lantikan peguam.